

Siaran Media - Kerajaan Tidak Berhasrat Untuk Memansuhkan Skim Pencen Kakitangan Awam

 Jumaat, Nov 03 2017



SIARAN MEDIA / *MEDIA RELEASE* **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** ***MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA***

KERAJAAN TIDAK BERHASRAT UNTUK MEMANSUHKAN SKIM PENCEN KAKITANGAN AWAM

Terdapat salah faham atau tafsiran mengenai kenyataan YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Kewangan II semasa Rancangan Soal Jawab TV3 yang disiarkan pada 1 November 2017 berkaitan Skim Pencen Perkhidmatan Awam. Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Skim Pencen sedia ada malah Kerajaan akan mempertimbangkan kemungkinan untuk memberi pilihan kepada kakitangan awam yang baharu pada masa akan datang melalui skim potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

PEJABAT YB MENTERI KEWANGAN II
KEMENTERIAN KEWANGAN
PUTRAJAYA
3 NOVEMBER 2017
